



## SIARAN MEDIA

### TUBE@PEMERKASA SASAR LAHIR 350 USAHAWAN BAHARU

---

**Kuala Lumpur, 4 Julai 2022** – SME Corp. Malaysia, salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), bakal melahirkan 350 usahawan baharu dari kalangan belia Bumiputera melalui pelaksanaan program TUBE@PEMERKASA. Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) yang diumumkan pada tahun lalu sebagai langkah untuk melonjakkan kembali ekonomi negara yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19.

Program TUBE@PEMERKASA telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Datuk Muslimin bin Yahaya, yang mewakili YB Menteri KUSKOP pagi tadi di SME Corp. Malaysia. Dana sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi program TUBE@PEMERKASA di mana RM5 juta dana telahpun disalurkan kepada SME Corp. setakat ini. Dana tersebut akan digunakan untuk penyaluran Geran Perniagaan di antara RM10,000 hingga RM15,000 kepada belia Bumiputera yang berpotensi. Sesi latihan program TUBE@PEMERKASA dijalankan secara dalam talian dalam dua (2) sesi, iaitu Sesi Pertama dari 16 hingga 25 Jun, manakala Sesi Kedua telah bermula pada 28 Jun dan akan tamat pada 8 Julai 2022.

Program TUBE@PEMERKASA mengguna pakai model program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang bertujuan untuk mempersiapkan belia Bumiputera yang mempunyai minat mendalam untuk menceburi bidang perniagaan. Mekanisme program merangkumi latihan di mana peserta didedahkan dengan pelbagai aspek penting perniagaan termasuk perakaunan asas, pemasaran produk dan perkhidmatan, serta pembentangan idea dan Rancangan Perniagaan (RP). Peserta yang berpotensi

akan ditawarkan Geran Perniagaan dan seterusnya dipantau selama selama 12 bulan oleh Kaunselor Perniagaan di SME Corp. Malaysia.

Sejak mula dilancarkan pada tahun 2014, program TUBE telah melatih seramai sejumlah 6,782 belia telah dilatih untuk menceburi bidang perniagaan di bawah program TUBE. Daripada jumlah tersebut, 6,633 usahawan (98%) berjaya diwujudkan berdasarkan perniagaan yang didaftarkan. Sejumlah RM43.23 juta geran perniagaan telah disalurkan kepada peserta yang berjaya dan hasilnya, program TUBE telah mencatatkan nilai jualan terkumpul berjumlah RM140.6 juta sehingga Jun 2022. Program ini juga telah berjaya mewujudkan 12,242 peluang pekerjaan, termasuk untuk peserta program itu sendiri.

Selaras dengan isu kenaikan harga makanan, YB Tan Sri Noh berkata melalui ucapannya yang telah disampaikan oleh YB Datuk Muslimin, program TUBE @PEMERKASA turut memberi keutamaan kepada belia yang terlibat atau berhasrat menerokai perniagaan dalam sektor agromakanan. Ini termasuk memberi keutamaan dalam proses saringan dan pemilihan peserta untuk disenarai pendek, dan juga untuk ditawarkan geran perniagaan. Langkah ini diharap dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam sektor agromakanan bagi memastikan rantai agromakanan yang kukuh dan stabil.

Menurut Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, melangkah ke hadapan, SME Corp. Malaysia akan mempergiat aktiviti libat urus dan pemantauan dengan Alumni TUBE, termasuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi menyokong perkembangan perniagaan Alumni TUBE yang berdaya maju. Ini diharapkan agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan peralihan ke arah fasa endemik.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Rosman Zamri dan Puan Aziatul Hasnida Sulaiman di talian 03-2775 6320 dan 6122 atau emel – [rosman@smecorp.gov.my](mailto:rosman@smecorp.gov.my) dan [aziatul\\_hasnida@smecorp.gov.my](mailto:aziatul_hasnida@smecorp.gov.my)